

# USIM tuan rumah FFVPM-10 pada 15-16 November ini

**NILAI** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menjadi tuan rumah Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia ke-10 (FFVPM-10) 2013 pada 15 dan 16 November ini.

Naib Canselornya, Prof. Asma Ismail berkata, FFVPM-10 yang mendapat kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) diadakan bertujuan mengiktiraf hasil

kerja penuntut institusi pengajian tinggi yang terlibat dalam bidang komunikasi, penyiaran, perfileman dan multimedia serta mencungkil bakat baharu dalam bidang industri kreatif.

"Kita menjemput institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyertai festival ini dalam pelbagai kategori pertandingan. Antaranya, filem dokumentasi, filem dan video

eksperimen, klip video, iklan, filem animasi dan pesanan khidmat awam.

"Pemenang hadiah pertama akan membawa pulang wang tunai RM1,000, tempat kedua RM800 dan ketiga RM500. Setiap pemenang juga akan menerima trofi dan sijil selain hadiah saguhati," katanya di sini semalam.

Asma berkata, penyertaan hendaklah di-

hantar kepada Urusetia FFVPM-10 2013, Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, Bandar baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan sebelum 30 September ini.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urus setia FFVPM-10 di talian **06-798 8182 /06-798 8403** dan laman sesawang <http://ffvpm10.usim.edu.my>.